

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 2019**

#### **PERMOHONAN UBAH SYARAT TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA 1965 DI KAWASAN ZONNING INDUSTRI.**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 05/2019 yang bersidang pada 13 Mac 2019 melalui Kertas Bil.05/2019/D 3 (92) telah meluluskan untuk memberi pertimbangan permohonan ubah syarat tanah di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965 di kawasan zonning industri sebagaimana berikut:-

- 1.1. Pentadbir Tanah hendaklah menerima dan menimbang permohonan ubah syarat tanah di kawasan zonning industri berdasarkan Pekeliling PTG Kelantan bilangan 6/2015 (Dasar Pembangunan Tanah Yang Bercanggah Dengan Kelas Kegunaan Utama Tanah (Zonning) Di Bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Arahan PTG Kelantan bilangan 5/2015.
- 1.2. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pentadbir Tanah perlu menetapkan kawasan baharu bagi kegunaan industri dengan mengambil kira jarak dengan pembangunan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- 1.3 Mengambil kira kawasan yang berpotensi yang dipilih oleh pihak pelabur yang ingin mendirikan kilang atau apa-apa maksud perindustrian.
- 1.4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pentadbir Tanah perlu menetapkan atau menghadkan hanya 20 peratus kawasan yang dizonkan sebagai industri bagi setiap jajahan.

1.5 Pentadbir Tanah hendaklah menerima dan menimbang permohonan ubah syarat tanah di kawasan zonning industri untuk tuan-tuan tanah yang ingin menyelesaikan masalah pembahagian yang melibatkan penambahan lebih dari seorang penama.

1.6 Pentadbir Tanah hendaklah menerima dan menimbang permohonan ubah syarat tanah di kawasan zonning industri yang keadaan persekitarannya telah ada pembangunan.

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



.....  
**DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL**, D.P.S.K (Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Kerajaan Tempatan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.12/3/60  
BERTARIKH : 29 SYAABAN 1440 H  
5 MEI 2019**